

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9632

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status bagi pembinaan balai polis baru di kawasan Taman Tunku/Lambir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Taman Tunku adalah terletak di kawasan pentadbiran Balai Polis Lapangan Terbang Miri di mana jarak antara Balai Polis tersebut dengan Taman Tunku hanya lebih kurang 6 kilometer. Sebelum ini, terdapat cadangan dari Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Sarawak untuk menyewa sebuah bangunan milik swasta di Taman Jelita untuk dijadikan tempat pengoperasian balai. Namun cadangan tersebut dibatalkan kerana pemilik premis berkenaan telah menarik balik tawaran penyewaan. Kini, IPK Sarawak dalam proses untuk mengenalpasti bangunan sewaan baharu bagi tujuan pewujudan balai polis yang lengkap dan dalam pada masa yang sama, sedang dalam tindakan untuk mengenalpasti dan mendapatkan tapak bagi pelaksanaan projek baru Kompleks Balai Polis.